

D805

U B669 DEB
MAHATHIR - TABUNG

I

PULAU PINANG, 20 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA SUPAYA DITUBUHKAN TABUNG AMANAH ALAM SEKITAR SEDUNIA SEBAGAI LANGKAH SEMENTRA BAGI MELINDUNGI ALAM SEKITAR.

BELIAU BERKATA, TABUNG AMANAH ITU BOLEH DIBIYAI MELALUI CUKAI YANG DIKENAKAN KE ATAS PENGELUARAN BAHAN-BAHAN PENGHAKIS OZON DAN DIURUS OLEH SEBUAH BADAN ANTARABANGSA YANG BERKESAN DENGAN DIANGGOTAI OLEH WAKIL-WAKIL DARI SELURUH DUNIA.

YANG MENJADI POKOK MASALAH ALAM SEKITAR IALAH KELEMAHAN PENGURUSAN EKONOMI DUNIA DAN PENGUBAHAN NILAI TERHADAP KELUARAN BAHAN MENTAH YANG BOLEH DIGANTI DENGAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG DIWUJUDKAN OLEH MANUSIA.

+KECUALILAH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENERIMA LAYANAN YANG ADIL BAGI BARANGAN DAN EKSPORT YANG BERASASKAN BAHAN MENTAH, MAKA MEREKA TIDAK HARUS DIKENAKAN DISKRIMINASI BAGI SEBARANG KEROSAKAN KECIL YANG MUNGKIN DILAKUKAN OLEH MEREKA KE ATAS ALAM SEKITAR,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI OZON TROPIKA DAN PERUBAHAN ATMOSFERA DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), DI SINI.

PERSIDANGAN TIGA HARI ITU, ANJURAN BERSAMA USM DAN PROGRAM ALAM SEKITAR PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU. IA DIHADIRI OLEH PARA SARJANA DAN PENCINTA ALAM SEKITAR DARI 40 NEGARA. -- LAGI.
1517MST 20 02 90

D811

U B670 DEB
MAHATHIR - TABUNG 2 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI BERKATA, SEBARANG USAHA ANTARABANGSA UNTUK MEMBINCANGKAN ISU ALAM SEKITAR DUNIA HARUS MENGAMBIL KIRA KESEIMBANGAN KESELURUHAN PEMBANGUNAN DUNIA KETIGA, TERUTAMA DALAM MENYELESAIKAN KRISIS HUTANG DI SESETENGAH NEGARA MEMBANGUN DAN KEPERLUAN UNTUK MENINGKATKAN PENGALIRAN WANG UNTUK PEMBANGUNAN.

KEPERLUAN UNTUK MENSTABILKAN PEROLEHAN PERTUKARAN ASING BAGI NEGARA-NEGARA PENGELUAR KOMODITI YANG BERPENDAPATAN RENDAH JUGA HARUS DIAMBIL KIRA, TAMBAH BELIAU.

+SEKIRANYA KITA MENGGUNAKAN SUMBER MENTAH KITA SENDIRI, MAKA ITU MERUPAKAN KESUSUTAN MODAL, DAN IA TIDAK MELIBATKAN KOS KEPADA KITA. TETAPI SEKIRANYA KITA MENGIMPORT TEKNOLOGI DAN MESIN, KITA PERLU MENGAMBIL KIRA KESUSUTAN MODAL SEBAGAI KOS KEPADA NEGARA,+ KATANYA.

+NAMUN, KESUSUTAN MODAL ALAM SEKITAR TIDAK DIAMBIL KIRA SAMA SEKALI... OLEH ITU PERLULAH DIBERI LAYANAN YANG SAKSAMA, BUKAN SEMATA-MATA BERDASARKAN ANGGAPAN BAHAWA ALAM SEKITAR DIPEROLEHI DENGAN PERCUMA,+ KATANYA. -- LAGI.
1530MST 20 02 90

D824

U B679 DEB
MAHATHIR - TABUNG 3 PULAU PINANG

BELIAU BERKATA, DUNIA BELUM LAGI DAPAT MERUMUSKAN KAEDAH YANG BERKESAN BAGI MEMBANTU MEMASTIKAN PENGIRAAN PENDAPATAN NEGARA PADA MASA AKAN DATANG, BENAR-BENAR MENGAMBARKAN PENDAPATAN YANG BOLEH DIKEKALKAN.

KAEDAH PENGIRAAN SEKARANG MENGENEPIKAN KESUSUTAN SUMBER BAHAN MENTAH DAN MEMBUAT PENILAIAN YANG LEBIH RENDAH KE ATAS KELUARAN YANG BERASASKAN PERTANIAN DAN HUTAN, DI SAMPING MENGANGGAP PENJUALAN SUMBER-SUMBER YANG TIDAK DAPAT DIPERBAHARUI SEPERTI TIMAH DAN PETROLEUM, SEBAGAI PENDAPATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SOAL ALAM SEKITAR MERUPAKAN SOAL PENTING YANG TIDAK BOLEH DIBIARKAN SEPENUHNYA KEPADA KUASA PASARAN BEBAS DARI LUAR, DAN MASA YANG AGAK LAMA DIPERLUKAN BAGI PENYEMAKAN SISTEM PERAKAUNAN NEGARA.

DALAM PADA ITU, MASYARAKAT DUNIA HARUS MEMBERI PERHATIAN SERIUS KEPADA PENUBUHAN TABUNG AMANAH YANG DIBIYAI OLEH CUKAI YANG DIKENAKAN KE ATAS PELEPASAN GAS-GAS PANAS, PENGELUARAN BAHAN-BAHAN KLOOROFLOOROKARBON (CFC) DAN BAHAN PENGHAKIS OZON, MALAH JUGA BAHAN-BAHAN KIMIA YANG BERSAING DENGAN HASIL KELUARAN BAHAN-BAHAN MENTAH YANG BERASASKAN +BIOCIDE+, KATANYA.

SUMBER LAIN YANG BOLEH MEMBAWA PENDAPATAN IALAH CUKAI JUALAN KE ATAS PELBAGAI IMPORT HASIL KELUARAN BAHAN MENTAH TERMASUK YANG BERASASKAN PERTANIAN DAN HUTAN, YANG TIDAK DIKELUARKAN ATAS ASAS YANG BERKEKALAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1554MST 20 02 90

D833

U B683 DEB
MAHATHIR - TABUNG 4 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA KOMITED KEPADA KONSEP PEMBANGUNAN YANG BERKEKALAN, BUKAN SAHAJA KEPADA ISU YANG BERKAITAN DENGAN PERLINDUNGAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR TETAPI JUGA DALAM MEMASTIKAN ISU ALAM SEKITAR TIDAK DISALAHGUNAKAN OLEH SESETENGAH PIHAK.

MALAYSIA TELAH MEMAINKAN PERANANNYA DALAM KEDUA-DUA BIDANG IAITU PADA PERINGKAT SERANTAU DAN ANTARABANGSA UNTUK MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN DUNIA YANG SEIMBANG DENGAN ALAM SEKITAR, KATANYA.

IA TELAH MEMBERI SUMBANGAN YANG BERMAKNA KEPADA DEKLARASI LANGKAWI MENGENAI ALAM SEKITAR PADA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA KOMANWEL (CHOGM) PADA OKTOBER TAHUN LEPAS DI KUALA LUMPUR, YANG JUGA MENJADI TEMPAT PENANDATANGANAN PERJANJIAN MENGENAI PEMULIHARAAN SUMBER ALAM DAN SEMULA JADI OLEH NEGARA-NEGARA ASEAN PADA TAHUN 1985.

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA JUGA TELAH BERJAYA MENGGALAKKAN PELABURAN SWASTA DALAM PENUBUHAN PENGUMPULAN BUANGAN SISA TOKSIK YANG BERSEPADU SEPENUHNYA, PENGANGKUTAN RAWATAN DAN PENYIMPANAN SISA YANG DIRAWAT DAN KEMUDAHAN BAGI SISA YANG SELAMAT, YANG AKAN MERUPAKAN YANG PERTAMA SEUMPAMANYA DI DUNIA APABILA SIAP KELAK, KATANYA. -- LAGI.

1616MST 20 02 90

D835

U B685 DEB
MAHATHIR - TABUNG 5 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI JUGA MENGGESA NEGARA-NEGARA MAJU SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH BERKESAN UNTUK MENYEKAT PENGGUNAAN BAHAN TENAGA FOSIL DAN BAHAN PENGHAKISAN OZON DENGAN TERLALU BANYAK.

BELIAU KEMUDIAN MELAWAT PAMERAN YANG DIADAKAN OLEH UNIVERSITI ITU, MENGENAI PENYELIDIKAN OLEH PARA PROFESOR USM.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI PENDIDIKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR DATUK AMAR STEPHEN YONG DAN KETUA MENTERI PULAU PINANG DR LIM CHONG EU. -- BERNAMA.

1619MST 20 02 90